



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**SIARAN MEDIA**

**KEMENTERIAN SENTIASA KOMITED MENANGANI PUNCA PERKAHWINAN  
BAWAH UMUR - DATUK SERI RINA HARUN**

**PUTRAJAYA, 22 Mac 2022** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kekal komited dalam memperjuangkan dan menangani punca perkahwinan bawah umur. **Adalah ditegaskan, isu ini tidak wajar dimanipulasikan oleh sesetengah pihak kerana Kementerian sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dalam usaha menangani isu ini demi kepentingan terbaik kanak-kanak terutama aspek perlindungan dan kebajikan.**

Ini selaras dengan usaha Kementerian membangunkan Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang dilaksanakan bermula dari tahun 2020 hingga 2025. Pelaksanaan program di bawah pelan ini dipantau oleh Jawatankuasa Pemandu yang dianggotai oleh wakil semua agensi pelaksana pelan tersebut.

Program dan tindakan yang dilaksanakan melalui Pelan Strategi Kebangsaan ini juga telah mengambil kira isu-isu yang merentas pelbagai sektor seperti perundangan, keibubapaan, sistem sokongan sosial, pendidikan, kesihatan dan kesedaran. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Memperkenalkan aplikasi interaktif remaja myKafeTEEN yang boleh dimuat turun di telefon bimbit yang memberi ruang kepada remaja mendapatkan khidmat nasihat, pandangan dan berkongsi masalah dengan kaunselor, pengamal perubatan dan pengamal agama bertauliah;
- ii. Meneliti jurang dan perbezaan yang didapati daripada hasil kajian-kajian yang telah dilaksanakan terhadap Pendidikan Kesihatan Reproksatif Seksual (SRH) dalam kurikulum pendidikan sedia ada;
- ii. Menyediakan bahan-bahan pendidikan kesihatan yang bersesuaian dengan remaja dalam bentuk infografik untuk saluran media digital;
- iii. Meluaskan pendidikan SRH kepada pelajar melalui program-program di sekolah;

- iv. Memberi latihan mengenai pendidikan SRH antaranya kepada Ketua dan kakitangan Institusi Pendidikan, Pelindung Kanak-Kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Skuad Waja, guru dan kaunselor sekolah, guru Tabika/Tadika dan pengasuh Taska;
- v. Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan kepada ibu bapa dan kanak-kanak yang masih bersekolah (berisiko cicir) dan yang telah tercicir; dan
- vi. Menyelaraskan penyediaan statistik perkahwinan dan perceraian di Malaysia (orang Islam dan bukan Islam) termasuklah di bawah umur 18 tahun mengikut jantina, etnik, umur dan negeri.

Pelan Strategi Kebangsaan ini turut menetapkan had umur minimum perkahwinan bagi perempuan di bawah undang-undang keluarga Islam dinaikkan. Pada masa yang sama, **Kementerian menghormati keputusan yang telah dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada September 2021 berdasarkan ketetapan melalui Mesyuarat Sekretariat Dasar Perundangan Syariah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Bil 1/2021 yang juga telah mengambil kira pandangan daripada negeri-negeri.**

Kementerian menghargai usaha Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) kerana telah mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Permohonan Perkahwinan Bawah Umur sebagai satu langkah konstruktif bagi memperketatkan lagi kelulusan perkahwinan bawah umur. Dengan wujudnya SOP ini, Hakim Syarie akan meneliti laporan sosial daripada JKM, laporan kesihatan dan semakan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bilangan kes perkahwinan bawah umur yang direkodkan pada tahun 2016 sehingga 2020 telah menunjukkan trend penurunan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak di Malaysia. Sebanyak 2,288 kes telah direkodkan pada tahun 2016, 2,107 kes pada tahun 2017, 1,856 kes pada tahun 2018, 1,459 kes pada tahun 2019, dan diikuti sebanyak 1,124 kes pada tahun 2020.

Kementerian sentiasa komited untuk memperkasakan strategi yang telah digariskan melalui program dan tindakan dalam Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur melalui kerjasama erat dengan semua pihak yang berkaitan secara menyeluruh.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat**